

SH.
NORIZA
SYED
ZAINOL
RASHID

AMALAN SUMBER MANUSIA & KESEIMBANGAN
TUNTUTAN KERJA-TANGGUNGJAWAB PERIBADI
TERHADAP KEPUASAN KERJA: SATU KAJIAN
DI SYARIKAT BERKAITAN KERAJAAN NEGERI KEDAH

MHRM

2015

AMALAN SUMBER MANUSIA DAN
KESEIMBANGAN TUNTUTAN KERJA-
TANGGUNGJAWAB PERIBADI TERHADAP
KEPUASAN KERJA:
SATU KAJIAN DI SYARIKAT BERKAITAN
KERAJAAN NEGERI KEDAH
(KEDAH GLC'S)



UUM

SHARIFAH NORIZA BINTI
SYED ZAINOL RASHID

IJAZAH SARJANA PENGURUSAN
SUMBER MANUSIA
UNIVERSITI UTARA MALAYSIA
Disember 2015

AMALAN SUMBER MANUSIA DAN KESEIMBANGAN TUNTUTAN KERJA –
TANGGUNGJAWAB PERIBADI DENGAN KEPUASAN KERJA:
TINJAUAN DI SYARIKAT BERKAITAN KERAJAAN (GLC'S KEDAH)



Projek Sarjana ini diserahkan kepada Pusat Pengajian Pengurusan Perniagaan (SBM)
Universiti Utara Malaysia
untuk memenuhi syarat keperluan Ijazah Sarjana Pengurusan
Sumber Manusia
(MHRM)

PERAKUAN KERJA KERTAS PROJEK
(Certification of Project Paper)

Saya, mengaku bertandatangan, memperakukan bahawa

(I, the undersigned, certified that)

SHARIFAH NORIZA BINTI SYED ZAINOL RASHID (811103)

Calon untuk Ijazah Sarjana

(Candidate for the degree of) MASTER OF HUMAN RESOURCE
MANAGEMENT telah mengemukakan kertas projek yang bertajuk

(has presented his/her project paper of the following title)

**AMALAN SUMBER MANUSIA DAN KESEIMBANGAN TUNTUTAN
KERJA – TANGGUNGJAWAB PERIBADI DENGAN KEPUASAN KERJA:
TINJAUAN DI SYARIKAT BERKAITAN KERAJAAN (KEDAH GLC'S)**

Seperti yang tercatat di muka surat tajuk dan kulit kertas project
(as it appears on the title page and front cover of the project paper)

Bahawa kertas projek tersebut boleh diterima dari segi bentuk serta kandungan dan
meliputi bidang ilmu dengan memuaskan.

(that the project paper acceptable in the form and content and that a satisfactory
knowledge of the field is covered by the project paper).

Nama Penyelia : Prof. Madya Dr Husna binti Johari

(Name of Supervisor)

Tandatangan : _____

(Signature)

Tarikh :

(Date)

KEBENARAN MERUJUK TESIS

Kertas projek penyelidikan ini dikemukakan untuk memenuhi sebahagian daripada keperluan pengijazahan Program Sarjana Universiti Utara Malaysia (UUM). Saya bersetuju membenarkan pihak perpustakaan UUM untuk mempamerkan sebagai bahan rujukan. Saya juga bersetuju bahawa sebarang bentuk salinan sama ada secara keseluruhan atau sebahagian daripada kertas projek ini untuk tujuan akademik adalah dibolehkan dengan kebenaran penyelia projek penyelidikan ini atau Dekan Sekolah Siswazah. Sebarang bentuk catatan dan salinan bagi tujuan komersial adalah dilarang sama sekali tanpa kebenaran daripada penyelidik. Penyataan rujukan kepada penulis dan pihak UUM perlulah dinyatakan jika sebarang bentuk rujukan dibuat ke atas kertas projek ini.

Kebeneran untuk menyalin atau menggunakan kertas projek ini sama ada keseluruhan atau sebahagian daripadanya hendaklah dipohon melalui:

DEKAN PUSAT PENGAJIAN PENGURUSAN PERNIAGAAN (SBM)

UNIVERSITI UTARA MALAYSIA

06010 SINTOK

KEDAH DARULAMAN

ABSTRAK

Kajian ini adalah bertujuan untuk melihat sejauh mana hubungan amalan sumber dan keseimbangan tuntutan kerja-tanggungjawab peribadi mempengaruhi Kepuasan Kerja kakitangan di Syarikat Berkaitan Kerajaan Negeri Kedah (Kedah GLC's). Kajian ini telah dijalankan di tiga buah GLC's iaitu Perbadanan Kemajuan Negeri Kedah, Perbadanan Menteri Besar dan Yayasan Islam Negeri Kedah yang melibatkan seramai 152 kakitangan yang terdiri daripada kumpulan sokongan I dan II di semua bahagian dan unit organisasi. Objektif kajian ini adalah untuk (i) mengenalpasti hubungan Amalan Sumber Manusia terhadap Kepuasan Kerja dan, (ii) mengenalpasti hubungan Keseimbangan Tuntutan Kerja-Tanggungjawab Peribadi terhadap Kepuasan Kerja. Borang soal selidik telah diedarkan secara bersemuka kepada kakitangan kumpulan sokongan I dan II yang merupakan sampel bagi kajian ini. Pengkaji mencadangkan supaya pihak pentadbiran di GLC's Malaysia sentiasa menjadikan Amalan Sumber Manusia sebagai komponen penting yang dapat mempengaruhi kepuasan kerja kakitangan di GLC's.



UUM
Universiti Utara Malaysia

ABSTRACT

The aim of this research is to examine the relationship between Human Resource Practice and Work-Life Balance towards Job Satisfaction among the workers Kedah Government Links Company (Kedah GLC's) such as Kedah State Development Corporation (PKNK), the Menteri Besar Incorporated (MBI) and Yayasan Islam Negeri Kedah (YINK). This study took place in GLC's and comprising about 152 staffs from the support I and II in all department and units. The objectives are (i) to identify the relationship of Human Resource Practices on Job Satisfaction and, (ii) identify relationships Work-Life Balance on Job Satisfaction. Questionnaires were distributed to staff through face to face for support staff I and II from a sample of this study. So, the researchers suggested to the administration of the GLC's Malaysia to always practice the Human resource role because it is an important component that can affect the job satisfaction of staff in GLC's.



PENGHARGAAN

Dengan nama Allah Yang Maha Pengasih Lagi Maha Penyayang. Bersyukur saya ke hadrat ALLAH S.W.T. kerana dengan izin dan rahmat-Nya, akhirnya saya telah berjaya menyiapkan kajian ini. Di sini saya ingin rakamkan jutaan terima kasih kepada penyelia, Prof. Madya Dr Husna binti Johari kerana sabar dalam menyampaikan ilmu, panduan dan sokongan padu sepanjang tempoh saya menjalankan penyelidikan dan menyiapkan penulisan tesis ini.

Seterusnya di kesempatan ini juga saya ingin merakamkan ucapan ribuan terima kasih kepada keluarga khasnya suami tercinta, *Syed Mohd Johan Rizal bin Dato' Paduka Hj Syed Unan Mashri* dan anak-anak yang dikasihi iaitu *Syed Ahmad Khalish Abqari Shahabudin dan Syed Umar Zill Qayyim Shahabudin* yang banyak memberikan keceriaan, kebahagiaan, kerjasama, sokongan, dorongan dan pengorbanan masa dan emosi sepanjang tempoh pengajian saya ini. Ucapan terima kasih juga saya titipkan khas buat kedua ibu-bapa dan mertua yang dikasihi yang sentiasa mendoakan kejayaan saya dan keluarga setiap masa dan ketika. Akhirnya, saya turut ingin merakamkan ucapan terima kasih kepada rakan-rakan seperjuangan terutamanya yang sama-sama mengikuti Program Master of Human Resource Management ini. Perjalanan ini mungkin tidak akan tercapai matlamatnya tanpa tunjuk ajar dan sokongan kalian semua. *Jazakallah Khairan Khatira.....*


ISI KANDUNGAN

TAJUK		i
PERAKUAN KERTAS KERJA PROJEK SARJANA		ii
KEBENARAN MERUJUK		iii
ABSTRAK		iv
ABSTRACT		v
PENGHARGAAN		vi
ISI KANDUNGAN		vii
SENARAI JADUAL		xi
SENARAI RAJAH		xii
SENARAI SINGKATAN		xiii
BAB 1: PENDAHULUAN	MUKA SURAT	
1.1	Pendahuluan	1
1.2	Latar Belakang Kajian	1
1.3	Penyataan Masalah	14
1.4	Persoalan Kajian	19
1.5	Objektif Kajian	19
	1.5.1 Objektif Umum	19
	1.5.2 Objektif Khusus	19
1.6	Skop Kajian	20
1.7	Kepentingan Kajian	21
1.8	Definisi Konsep	24
	1.8.1 Kepuasan Kerja	24
	1.8.2 Amalan Sumber Manusia	25
	1.8.3 Keseimbangan Tuntutan Kerja- Tanggungjawab Peribadi	26
1.9	Pembahagian Bab Dalam Tesis	26
BAB 2: ULASAN KARYA		
2.1	Pendahuluan	28
2.2	Kepuasan Kerja	28
	2.2.1 Amalan Sumber Manusia	33
	2.2.2 Keseimbangan Tuntutan Kerja	36

2.3	Hubungan Antara Pemboleh Ubah	38
2.3.1	Hubungan Antara Peranan Amalan Sumber Manusia Dan Kepuasan Kerja	38
2.3.2	Hubungan Antara Keseimbangan Tuntutan Kerja Dan Kepuasan Kerja	3
2.4	Teori Asas	42
2.4.1	Teori Hierarki Keperluan Maslow	42
2.4.2	Teori Herzberg	45
2.5	Kerangka Konseptual	50
2.6	Mengenalpasti Jurang Dalam Ulasan Karya	50
2.7	Rumusan Bab	52

BAB 3: METODOLOGI KAJIAN

3.1	Pengenalan	53
3.2	Rekabentuk Kajian	53
3.2.1	Sumber Data	54
3.3	Analisis Unit	56
3.4	Teknik Persampelan Populasi Dan Sampel	56
3.5	Teknik Pengumpulan Data	57
3.6	Instrumen Kajian (Borang Soal Selidik)	58
3.7	Teknik Analisis Data	67
3.8	Tinjauan Rintis	68
3.9	Rumusan Bab	70



Universiti Utara Malaysia

Bab 4 ANALISIS DAN DAPATAN KAJIAN

4.1	Pendahuluan	71
4.2	Latar Belakang Demografi Responden	72
4.3	Analisis Ujian-T	74
4.4	Analisa Kebolehpercayaan	74
4.5	Analisa Statistik Deskriptif	75
4.6	Ujian Kolerasi Pearson-r	77
4.7	Ujian Regresi Linear	79
4.8	Rumusan Bab	80

Bab 5 KESIMPULAN

5.1	Pendahuluan	81
5.2	Ringkasan Kajian	81
5.3	Perbincangan Dapatan Kajian	83

Objektif 1.1
Menenalpasti Hubungan Peranan
Sumber Manusia Terhadap Kepuasan Kerja?

Objektif 1.2
Menenalpasti Hubungan Keseimbangan Tuntutan
Kerja- Tanggungjawab Peribadi Terhadap
Kepuasan Kerja?

5.4	Limitasi Kajian	86
5.5	Implikasi Kajian	87
	5.5.1 Kajian Teoritikal	87
	5.5.2 Kajian Praktikal	87
5.6	Cadangan Kajian Masa Hadapan	89
5.7	Rumusan Bab	97

RUJUKAN

LAMPIRAN



UUM
Universiti Utara Malaysia

SENARAI JADUAL

No	Tajuk	Muka Surat
Jadual 1.1	Sektor Organisasi Malaysia	1
Jadual 1.2	Maklumat Penubuhan Badan Induk Negeri PKEN	10
Jadual 1.3	Piagam Pelanggan BPA	11
Jadual 2.1	Faktor-Faktor Kepuasan Kerja Herzberg	47
Jadual 3.1	Soalan Responden	57
Jadual 3.2	Senarai Instrumen Kajian Yang Digunakan	60
Jadual 3.3	Soalan Berkaitan Kepuasan Kerja	61
Jadual 3.4	Soalan Berkaitan Peranan Amalan Sumber Manusia	62
Jadual 3.5	Soalan Berkaitan Keseimbangan Tuntutan Kerja-Tanggungjawab Peribadi	64
Jadual 3.6	Kaedah Analisis Data	68
Jadual 3.7	Tahap Kebolehpercayaan Ujian Rintis Dengan Nilai Alpha Cronbach	69
Jadual 4.1	Taburan Demografi Responden	72
Jadual 4.2	Keputusan Deskriptif Bagi Perbezaan Jantina Terhadap Kepuasan Kerja	74
Jadual 4.3	Keputusan Kebolehpercayaan Setiap Pembolehubah Dan Dimensi	75
Jadual 4.4	Statistik Deskriptif Pembolehubah Bersandar Dan Pembolehubah Tidak Bersandar	76
Jadual 4.5	Jadual Kekuatan Perhubungan Antara Pemboleh Ubah Tidak Bersandar Dan Pemboleh Ubah Bersandar	78
Jadual 4.6	Keputusan Analisis Kolerasi	78
Jadual 4.7	Keputusan Analisis Regresi	80

SENARAI RAJAH

No	Tajuk	Muka Surat
Rajah 2.1	Hirearki Keperluan Maslow	43
Rajah 2.2	Kerangka Konseptual	50



UUM
Universiti Utara Malaysia

DAFTAR SINGKATAN PERKATAAN

GLC's -	Syarikat Berkaitan Kerajaan Negeri Kedah
PKNK -	Perbadanan Kemajuan Negeri Kedah
YINK -	Yayasan Islam Negeri Kedah
MBI -	Perbadanan Menteri Besar (Kedah)
SPSS -	<i>Statistical Package for Social Science</i>




BAB 1

PENGENALAN

1.1 Pendahuluan

Bab ini membincangkan mengenai latar belakang kajian, pernyataan masalah dan persoalan kajian serta objektif kajian. Selain itu, ia turut membicarakan mengenai kepentingan kajian, limitasi dan skop kajian serta struktur kertas kajian.

1.2 Latarbelakang Kajian



Rajah 1.1 *Sektor Organisasi Malaysia*

Organisasi di Malaysia terbahagi kepada dua sektor iaitu sektor awam dan sektor swasta. Organisasi sektor awam kerap dikaitkan dengan pertubuhan-pertubuhan, badan-badan dan jabatan milik kerajaan pusat atau negeri. Bagi sektor swasta pula jawapan yang kerap diberikan oleh masyarakat ialah organisasi milik persendirian yang mengenakan bayaran untuk mendapatkan perkhidmatan atau barangan mereka. Namun peranan organisasi sektor awam dan swasta dalam pembangunan dan kemajuan sesebuah Negara adalah sangat penting.

Di Malaysia, terdapat tiga tahap perkhidmatan awam iaitu persekutuan, negeri dan badan berkuasa tempatan. Tahap persekutuan merupakan agensi pusat manakala tahap negeri merupakan jabatan negeri dan agensi cawangan persekutuan. Manakala badan berkuasa tempatan tertakluk kepada perundangan dan tanggungjawab kerajaan negeri (Muhammad, 1996). Justeru itu, perkhidmatan yang diberikan adalah berbeza mengikut peranan masing-masing. Namun begitu, terdapat juga perkhidmatan yang sama diberikan terutamanya di jabatan persekutuan negeri.

Menurut Brown (2007), kebanyakan perkhidmatan awam merupakan barangan awam tulen seperti rondaan polis. Beliau mengkategorikan perkhidmatan awam berdasarkan kepada empat perkara iaitu cara pengeluaran, kaedah pengedaran, cara pembiayaan dan keadaan kegunaan iaitu sama ada secara pilihan atau paksaan.

Manakala menurut Ritzman (2003), pentadbiran awam berbentuk pengeluaran quasi di mana terdapat perhubungan yang rendah di antara penyedia perkhidmatan dengan pelanggan. Ini menunjukkan perkhidmatan dan pentadbiran awam merupakan dua konsep yang berbeza di mana perkhidmatan awam melibatkan interaksi yang tinggi dengan pelanggan. Manakala pentadbiran awam pula mempunyai kapasiti yang kurang

untuk berinteraksi dengan pelanggan. Walaupun organisasi awam ini merupakan monopoli, namun begitu; mereka tidak terlepas daripada menghadapi tekanan untuk berjaya terutamanya dalam menyampaikan perkhidmatan yang berkualiti dan memuaskan pelanggan (Sharifah Latifah, Mohktar & Arawati, 2000).

Robbins (1993) menyatakan bahawa organisasi mesti memenuhi kepuasan pekerja mereka atas alasan yang berikut. Pertama, terdapat bukti bahawa lebih ramai pekerja yang meletakkan jawatan atau tidak dapat bergerak kerana kepuasan kerja dan kedua-duanya bekerja, sebahagian daripada hasil kajian menunjukkan bahawa pekerja yang mempunyai tahap kepuasan kerja yang tinggi mempunyai kesihatan yang baik dan umur yang panjang. Justeru itu, pengkaji telah memilih untuk membuat kajian di dalam sektor awam iaitu ke atas Syarikat Berkaitan Kerajaan (GLC) memandangkan organisasi ini banyak menyumbangkan keuntungan kepada Negara Malaysia. Justeru itu, memastikan kepuasan kerja adalah sangat penting bagi memastikan produktiviti kerja kakitangan GLC'S dalam keadaan yang baik. Terdapat beberapa Badan Induk Pelaburan Negeri di Malaysia iaitu seperti berikut:-

Jadual 1.2

Maklumat Penubuhan Badan Induk Pelaburan Negeri

Bil	Maklumat Penubuhan Badan Induk Pelaburan Negeri PKEN	Tahun	Akta Penubuhan
1.	Perbadanan Kemajuan Negeri Selangor	1964	Enakmen Perbadanan Kemajuan Negeri Selangor No. 4 Tahun 1964
2	Perbadanan Kemajuan Pertanian Selangor	1972	Enakmen Negeri No. 12 Tahun 1972
3	Perbadanan Kemajuan Iktisad Negeri Kelantan	1966	Enakmen Negeri. Bil. 10 Tahun 1966
4	Perbadanan Johor	1968	Enakmen Negeri Bil.4, Tahun 1968

5	Perbadanan Islam Johor	1976	Enakmen Negeri Bil. 1 Tahun 1976
6	Perbadanan Memajukan Negeri Terengganu	TD	TD
7	Perbadanan Kemajuan Ekonomi Negeri Perlis	TD	TD
8	Perbadanan Kemajuan Ekonomi Negeri Kedah	1965	Enakmen Negeri Bil. 5. Tahun 1965
9	Perbadanan Pembangunan Pulau Pinang	1969	Enakmen Negeri
10	Perbadanan Kemajuan Ekonomi Negeri Perak	1967	Enakmen PKNP Bil.3 Tahun 1967.
11	Perbadana Kemajuan Ekonomi Melaka	1971	Enakmen Perbadanan Kemajuan Negeri Melaka. No. 1 Tahun 1971
12	Perbadanan Kemajuan Negeri Sembilan	1969	Enakmen Negeri Bil.4. Tahun 1969
13	Perbadanan Kemajuan Ekonomi Negeri Pahang	1965	Enakmen Negeri Tahun 1965
14	Perbadanan Pembangunan Ekonomi Sarawak	1972	TD
15	Perbadanan Kemajuan Perusahaan Kayu Sarawak	1973	Ordinan Perbadanan Kemajuan Perusahaan Kayu Sarawak 1973
16	Perbadanan Kemajuan Negeri Sabah 1971	1971	TD

Sumber: Laporan Tahunan PKEN-PKEN dan laman web rasmi PKEN.

Menurut Sumber Perbadanan Produktiviti Malaysia., Khazanah Nasional Berhad, iaitu GLC ditakrif sebagai syarikat yang mempunyai objektif komersil yang primer dan kepentingannya dikawal secara langsung oleh Kerajaan Malaysia. Mengawal kepentingan merujuk kepada keupayaan atau kuasa Kerajaan (bukan sekadar peratus pemilikan) untuk melantik anggota Lembaga Pengarah, pengurusan atasan dan membuat keputusan utama terhadap GLC (contohnya, pemberian kontrak, strategi, penstrukturan semula dan pembiayaan, pemerolehan serta pemberhentian pelaburan), sama ada secara langsung atau melalui Syarikat Pelaburan Berkaitan Kerajaan (GLIC).’

Kategori syarikat berkaitan kerajaan ialah syarikat-syarikat yang berada di bawah kawalan Kerajaan Negeri dan agensi peringkat Negeri masing-masing. Syarikat dibawah GLC's termasuk syarikat tenaga, telekomunikasi, perkhidmatan pos, penerbangan, lapangan terbang, pengangkutan awam, air dan pembedungan, serta perbankan dan perkhidmatan kewangan. Namun begitu GLC's juga telah berhadapan dengan pelbagai masalah sejak kebelakangan ini. Salah satu masalah yang sering didengari iaitu mengenai kepuasan bekerja. Antara faktor utama yang mempengaruhi hasrat tersebut antaranya ialah kepuasan kerja dikalangan pekerja di dalam sesebuah organisasi. Justeru itu, pemilihan kepuasan kerja dalam kajian ini menjadi aspek penting dalam kajian ini.

Syarikat-syarikat GLC's ditubuhkan untuk mempercepatkan pertumbuhan ekonomi dan sosial dalam sesebuah negara. GLC's juga memainkan peranan penting dalam merealisasikan proses perindustrian di Korea, Taiwan, Mexico, Brazil dan beberapa negara membangun (Li, 2002). GLC's ialah syarikat-syarikat yang ditubuhkan oleh sesebuah kerajaan untuk melaksanakan aktiviti-aktiviti ekonomi bagi memenuhi matlamat kerajaan tersebut (Aharoni, 1986). Ciri-ciri penting sesebuah GLC's ialah syarikat tersebut kepunyaan kerajaan dan menjalankan operasi serta melaksanakan tindakan strategik bagi pihak kerajaan. Justeru, kerajaan mempunyai pengaruh kuat terhadap GLC's tersebut, khususnya dari segi matlamat organisasi, tadbir urus korporat, struktur organisasi dan strategi (Park, Li & Tse, 2006).

Namun sejak akhir-akhir ini didapati prestasi GLC's semakin menurun serta menjadi isu panas di kalangan pekerja. Menurut Laporan Audit Negara bagi tahun 2013 pada 16 Jun 2013, Jawatankuasa Kira-Kira Wang Negara (PAC) telah meminta supaya Jabatan Audit Negara mengkaji semula prestasi semua Syarikat Berkaitan Kerajaan

(GLC) dan milik kerajaan (GOC) ekoran kelemahan yang dilaporkan ke atas prestasi syarikat-syarikat GLC's Malaysia.

Selain itu, dalam konteks ini lebih memfokuskan kepada kumpulan pelaksana iaitu sokongan I dan II kerana sering dikaitkan dengan masalah kepuasan kerja berbanding kumpulan Pengurusan dan Profesional. Selain itu, golongan ini merupakan majoriti pekerja di dalam sesebuah organisasi. Kumpulan ini merupakan mereka yang menentukan samada misi dan visi sesebuah organisasi tercapai. Oleh itu, peranan mereka harus diketengahkan.

Salah satu punca permasalahan kepuasan kerja ialah melaksanakan selain tugas hakiki iaitu '*multi skill*'. Kepemimpinan transformasi merupakan kemampuan pemimpin untuk melakukan perubahan bagi mencapai wawasan, komitmen terhadap wawasan, membimbing perubahan itu dan membentuk arahnya dalam melaksanakan perubahan dengan lebih cekap dan berintegriti (Abdul Kudus, 2000). Walaupun terdapat pelbagai usaha yang positif yang telah diketengahkan. Namun terdapat juga beberapa masalah yang perlu dipantau seperti kepada golongan yang senior dimana mereka agak sukar untuk menerima perubahan. Masalah seperti produktiviti kerja kakitangan GLC's juga semakin menurun berikutan ketidakpuasan kerja. Masalah ini juga berpunca daripada kekurangan individu yang berkaliber untuk menjadi peneraju kepada setiap GLC's. Salah satu sebab adalah kurangnya individu yang berasal dari sektor swasta yang lebih terdedah dalam tadbir-urus perniagaan yang sebenar. Dimana kakitangan syarikat swasta lebih produktiviti berbanding kakitangan awam. Menurut pendapat Friedman (2002), matlamat sesebuah entiti perniagaan atau sektor swasta ialah untuk memaksimumkan untung. Malahan, dalam konteks tanggungjawab sosial yang terbeban ke atas sesebuah

entiti perniagaan, tanggungjawab adalah masih sama iaitu memaksimumkan untung. Justeru itu, pekerja di sektor swasta lebih agresif berbanding sektor awam. Oleh itu, pekerja di sektor awam perlu didedahkan dengan tanggungjawab yang lebih efisien supaya wujudnya kepuasan kerja.

Walau bagaimanapun, dalam melaksanakan dasar yang terdapat timbal balik antara pihak atasan dan pihak bawahan. Kadang-kadang pihak pengurusan terpaksa merombak sistem kerana ketidakberkesanan organisasi berkenaan. Menurut Hussain (2002), sebagai contoh, kerajaan Malaysia pernah mengeluarkan kenyataan mengenai arahan penutupan anak-anak syarikat Berkaitan Kerajaan Negeri yang tidak mempunyai daya usaha untuk memberikan produktiviti yang tinggi serta tidak menguntungkan. Justeru itu, Lembaga Padi & Beras Negara (LPN) juga mengalami rombakan pekerja kerana ketidakcekapan dalam pelaksanaan tugas mereka (Hussain, 2002). Dengan berlakunya perubahan sistem, reformasi pengurusan juga bertujuan untuk menggalakkan persaingan yang sihat, meningkatkan kecekapan dan meningkatkan produktiviti yang akan memberi manfaat kepada semua peringkat kakitangan.

Menurut Devadoss (2013), pengiktirafan secara kerap perlu dilaksanakan oleh pihak pengurusan supaya penglibatan pekerja tidak hanya ditinjau secara tahunan tetapi juga melalui kaedah maklumbalas. Secara signifikan, kepentingan individu dalam pekerjaannya menunjukkan penglibatan terhadap pekerja (Azmi & Ahmad, 2008). Selain meningkatkan produktiviti, penglibatan pekerja juga membendung penggantian pekerja dan boleh memulihkan perkhidmatan kepada organisasi (Devadoss, 2013).

Isu berkaitan pekerja berhenti kerja lebih awal sebelum bersara wajib sering berlaku sejak akhir-akhir ini. Situasi ini berlaku memandangkan pekerja tidak mempunyai kepuasan bekerja. Perkara ini akan merugikan organisasi tersebut berikutan

kehilangan pekerja yang berpengalaman luas, pekerja pakar dan berkaliber. Pihak pengurusan akan mengalami kerugian masa dan menanggung perbelanjaan yang lebih kerana perlu memberi latihan kepada pekerja yang baharu. Pada tahun 2007, apabila ekonomi negara dan serantau mengalami kemelesetan, kesan ini mula ternampak dan diakui apabila ramai graduan terbaru sukar mendapat pekerjaan di saat industri sedang memberhentikan pekerja kerana tiada sumber dan peluang perniagaan.

Statistik Kementerian Sumber Manusia pula melaporkan 7,500 pekerja diberhentikan sejak Oktober 2008 hingga pertengahan Januari 2009 manakala menurut Persekutuan Majikan Malaysia (MEF), lebih 26,000 pekerja kehilangan pekerjaan sejak awal tahun ini (Anon. 2009). Persekutuan Majikan Malaysia (MEF) juga menjangkakan 200,000 pekerja di negara ini terpaksa diberhentikan berikutan merundumnya ekonomi global berbanding 85,000 pekerja sewaktu kemelesetan ekonomi pada tahun 1998. Keadaan ini dijangka akan berlarutan sehinggalah tahun 2010.

Banyak organisasi pada hari ini menghadapi masalah untuk meneruskan kelangsungan hidup. Organisasi terus bersaing dengan cara mengurangkan kos melalui pemberhentian pekerja sama ada secara paksa atau sukarela demi untuk mengurangkan kos operasi (Bakker, 2007). Walau bagaimanapun, pengurangan kos sama ada melalui pemberhentian pekerja atau pengecilan organisasi atau rancangan penjimatan ada hadnya. Organisasi memerlukan kaedah lain untuk meningkatkan keuntungan dan meneruskan operasi dengan berkesan. Menurut Bakker (2007) organisasi mampu mencapai kejayaan dan meneruskan kelangsungan hidup dengan cara memberi tumpuan kepada komitmen kerja (work engagement) para pekerja.

Masalah ketidakpuasan kerja lain yang berlaku dalam GLC'S juga berpunca daripada penurunan keuntungan kos operasi syarikat dan memaksa pihak pengurusan untuk membuat pensrukturan semula. Menurut Sumber Berita Astro Awani, 10 Jun 2015, MAS memulakan fasa baharu yang signifikan dalam program penstrukturan semula dengan memastikan saiz tenaga kerja sepadan dengan keperluan operasi syarikat penerbangan baharu, Malaysia Airlines Bhd (MAB) pada 1 Jun 2015. Transformasi untuk mewujudkan syarikat penerbangan mampan dan berterusan menuntut kumpulan tenaga kerja lebih kecil daripada saiz semasa yang ditanggung oleh MAS. Proses semakan semula dan pemilihan yang ketat dan mantap telah dilaksanakan serta hampir 14,000 pekerja ditawarkan jawatan dalam syarikat penerbangan baharu itu manakala sekitar 6,000 lagi diberhentikan berkuatkuasa pada 31 Ogos 2015. Langkah itu dikatakan untuk mengurangkan migrasi operasi sedia ada MAS kepada syarikat baharu, MAS Bhd, yang akan mula beroperasi pada 1 September 2015.

Salah satu cara melahirkan rasa ketidakpuasan hati kerja secara berkhemah adalah melalui Pengaduan Awam. Pengaduan awam adalah satu ekspresi ketidakpuashatian orang ramai terhadap mutu, kualiti atau layanan perkhidmatan yang diterima daripada penjawat awam atau sesebuah agensi. Peningkatan pengaduan awam secara teknikal menunjukkan kemerosotan tahap integriti khasnya apabila pengaduan yang direkod dan disiasat mempunyai merit. Ini menunjukkan seseorang yang tidak mempunyai kepuasan kerja dalam melaksanakan tugas mereka maka mereka akan menunjukkan rasa ketidakpuasan dalam kerja dan berlakunya percakapan kasar dan tindak tidak suka bermanis muka semasa melayan pelanggan. Antara usaha ke arah mendekati rakyat, Ketua Setiausaha Negara, Datuk Seri Ali Hamsa telah meminta semua pimpinan tertinggi sektor awam termasuk Ketua Setiausaha dan Ketua Jabatan supaya

turun padang untuk melihat sendiri keadaan petugas masing-masing ke arah memberi perkhidmatan terbaik kepada rakyat.

Aduan yang diterima oleh Biro Pengaduan Awam (BPA) bagi tahun 2011-2015 telah menunjukkan penurunan dalam aduan awam. Namun begitu, terdapat penurunan penyelesaian aduan iaitu 99.1% (4939) berbanding tahun 2014 iaitu sebanyak 7137 (99.1%). Ini menunjukkan walaupun terdapat pengurangan aduan tetapi berlaku peningkatan bagi kes masalah yang tidak dapat diselesaikan.

Jadual 1.2

Aduan Biro Pengaduan Awam Bagi Tahun 2011-2015

TAHUN	ADUAN KEMENTERIAN	ADUAN NEGERI	JUMLAH ADUAN	PENYELESAIAN ADUAN
2015	3308	2104	5412	4939 (91.7%)
2014	4518	2681	7199	7137 (99.1%)
2013	6183	3022	9879	9550 (96.7%)
2012	7647	4899	12,546	11,994 (95.6%)
2011	8321	5035	13,356	13,045 (97.7%)

Sumber: Laporan Biro Pengaduan Awam Jabatan Perdana Menteri Bagi Tahun 2011-2015

Ini adalah selari dengan Piagam Pelanggan BPA untuk melayan dan menyelesaikan aduan-aduan yang diterima sebagaimana berikut;

Jadual 1.3
Piagam Pelanggan BPA

BIL	KATEGORI ADUAN	KETERANGAN
1	Kelewatan/Tiada Tindakan	<ul style="list-style-type: none"> • Tidak memenuhi janji Piagam Pelanggan; dan • Tidak menjawab permohonan, pertanyaan/aduan daripada pengadu.
2	Tindakan Tidak Adil	Keputusan yang tidak konsisten dengan amalan biasa.
3	Kekurangan Kemudahan	Kemudahan asas yang diperlukan oleh orang awam seperti:- <ul style="list-style-type: none"> • Balai Polis, Balai Bomba, sekolah, tempat ibadat, pasar dan lain-lain; dan • Bekalan air dan elektrik, tong sampah, telefon, lampu jalan, bonggol jalan, longkang dan lain-lain
4	Kepincangan Pelaksanaan Dasar dan Kelemahan Undang-undang	<ul style="list-style-type: none"> • Dasar/Undang-undang tidak lagi sesuai dengan keadaan semasa; dan • Undang-undang/peraturan yang tidak lengkap dan sempurna seperti tiada peruntukan penguatkuasaan
5	Salahguna Kuasa/ Penyelewengan	<ul style="list-style-type: none"> • Melibatkan Ketua Jabatan atau Pegawai yang diberi kuasa seperti urusan tender,

		permohonan tanah, kelulusan permit, lesen, penguatkuasaan undang-undang secara pilih kasih atau “favouritism”.
6	Salahlaku Anggota Awam	<ul style="list-style-type: none"> • Tidak beretika; • Melanggari tata tertib/disiplin; dan Cuai
7.	Kegagalan Mengikut Prosedur Yang Ditetapkan	Prosedur Kerja (MPK)/proses serta aliran kerja yang ditetapkan dalam Manual Kualiti MS ISO 9000.
8.	Kegagalan Penguatkuasaan	<ul style="list-style-type: none"> • Melibatkan Jabatan/Agensi Kerajaan yang bertanggungjawab dalam penguatkuasaan undang-undang serta diperuntukkan Pegawai Penguatkuasa seperti Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) dan Polis Diraja Malaysia (PDRM).
9.	Kualiti Perkhidmatan Yang Tidak Memuaskan	<ul style="list-style-type: none"> • Perkhidmatan kaunter dan telefon; • Mengabaikan kerja-kerja penyelenggaraan; • Tidak sopan melayan pelanggan; • Kualiti perkhidmatan/penyelenggaraan yang rendah atau tidak mengikut piawaian serta jadual yang telah ditetapkan; dan

Sumber: Biro Pengaduan Awam

Dalam laporan *Asean Conference on Civil Service Matters* pada tahun 1993, disebutkan bahawa “pegawai-pegawai penjawat awam perlu digalakkan bukan sahaja untuk melaksanakan tanggungjawab mereka tetapi mereka juga hendaklah mendapatkan kepuasan peribadi apabila melaksanakan tugas dengan jayanya”. Ini menunjukkan bahawa masalah ketiadaan kepuasan dalam melaksanakan kerja sudah lama dibincangkan dan perbincangan ini bukan sahaja perbincangan peringkat tempatan tetapi telah menjangkau perbincangan peringkat lebih tinggi iaitu dalam Pertubuhan Negara-negara Asia Tenggara (ASEAN). Perlulah diingatkan di sini bahawa apabila seseorang itu tidak mempunyai kepuasan dalam tugas mereka maka mereka akan menunjukkan rasa ketidakpuasan dalam kerja mereka. Mungkin kerana inilah sebahagian penjawat awam tidak suka bermanis muka atau bercakap kasar semasa melayan pelanggan.

Pengurusan Sumber Manusia (PSM) perlu untuk memastikan kepuasan kerja anggota di dalam sesebuah organisasi dilaksanakan secara harmoni. Isu mengenai kepuasan kerja merupakan perkara yang sering menjadi perhatian dan agak sensitif serta tidak hairan sekiranya ia menjadi salah satu punca pertikaian di antara majikan dengan pekerja. Sejak dari dulu kajian terhadap kepuasan kerja adalah satu kebimbangan oleh penyelidik dalam menyumbang kepada strategi dan idea-idea yang berkaitan dengan pengurusan dalam menyelesaikan masalah di antara majikan dan pekerja.

1.3 Penyataan Masalah

Kebelakangan ini, ekoran daripada ekonomi dunia yang tidak stabil dan ditambahkan pula dengan isu mengenai turun naik matawang Malaysia di pasaran dunia. Menurut Watson (2010) sejak penurunan ekonomi peningkatan terhadap persaingan di dalam organisasi menjadi salah satu daripada tekanan kepada para pekerja untuk meningkatkan produktiviti. Organisasi terpaksa mengecilkan saiz kakitangan, pekerja terpaksa melaksanakan kerja selain kerja hakiki, pekerja perlu

Salah satu punca utama cabaran besar yang dihadapi oleh organisasi dalam era pemodenan ini ialah masalah kepuasan kerja iaitu untuk memastikan pekerja perlu melaksanakan tugas dengan ikhlas dan berintegriti. Fenomena ini diperjelaskan lagi dengan ancaman kesatuan-kesatuan sekerja seperti piket sekiranya tuntutan janji oleh majikan tidak ditunaikan. Situasi yang berlaku ini amat membimbangkan jika dibiarkan begitu sahaja. Menurut laporan Berita Harian, bertarikh 9 Oktober 2014, piket telah diadakan oleh kakitangan KTMB atas sebab ketidakpuasan hati pekerja kepada pihak pengurusan mereka. Piket itu adalah anjuran Kesatuan Pekerja-pekerja KTMB (Railwaymen's Union of Malaya – RUM) – antara kesatuan pekerja yang pertama di Malaysia. Sebanyak 18 pekerja digantung kerja manakala 97 orang pekerja lagi telah menerima notis tunjuk sebab dan dipanggil oleh pengurusan KTMB untuk siasatan dalaman. Ini menunjukkan ketidakpuasan hati kerja pekerja berlaku tanpa mengira pihak atasan mahupun bawahan.

Masalah kepuasan kerja juga boleh berlaku disebabkan beberapa perkara utama seperti ketidakseimbangan di dalam pemberian insentif, tekanan kerja, ruang kerja yang bosan, gaji yang rendah dan rakan kerja tidak sefahaman dan lain - lain. Apabila pekerja

berasa tidak puas hati dan tidak mendapat layanan yang selayaknya dia dalam organisasi, ia akan mewujudkan satu suasana kerja yang negatif.

Cabaran globalisasi yang melanda seluruh dunia ketika ini, memerlukan setiap negara menyusun strategi masing-masing agar tidak tersisih daripada arus kemajuan dunia. Walaupun terdapat pebagai usaha dan langkah yang telah dinyatakan di dalam bajet 2015 baru-baru ini."Ini menunjukkan betapa kerajaan secara berterusan mengambil berat dan prihatin terhadap kebajikan penjawat awam sama ada yang masih berkhidmat ataupun yang sudah bersara.

Isu lain berkaitan ketidakpuasan kerja adalah berkaitan dengan kekangan untuk kenaikan pangkat sering didengari memandangkan GLC's merupakan organisasi yang tertutup dan menyebabkan peluang kerjaya pekerja adalah terhad. Pekerja yang lama bekerja tidak dapat memperluaskan kerjayanya memandangkan kenaikan pangkat yang terhad. Pekerja perlu menunggu giliran kekosongan jawatan iaitu menunggu giliran pekerja yang berpencen. Fenomena ini berbeza dengan pihak swasta dimana pekerja yang berkelayakan dan proaktif akan dinaikan pangkat. Dalam hal ini, pekerja akan merasakan tiada kepuasan dalam kerja yang dijalankan. Laporan ini turut diperolehi daripada pengalaman yang dilalui oleh pengkaji sendiri. Rekod giliran yang layak dinaikkan pangkat di PKNK menunjukkan hampir seramai 20 orang kaitangan yang terpaksa menunggu giliran jawatan kenaikan pangkat. Justeru itu, pihak Pengurusan perlu menyemak semula masalah ini dan juga boleh menaikkan pangkat pekerja dengan menemptkan pekerja tersebut ke anak-anak syarikat GLC's yang lain. Mengamalkan dasar kenaikan pangkat yang adil dan berorientasikan kepada kebolehan serta pencapaian hasil kerja.

Menurut kajian Daud, (2010), terdapat juga rangka kerja organisasi penyusunan semula yang berlaku dalam bentuk pengecilan saiz, penggabungan, penutupan dan penyusunan semula tenaga pekerja telah memberi kesan kepada ramai pekerja setiap tahun. Keadaan ini menunjukkan bahawa jaminan pekerjaan yang tidak terjamin. Perasaan ragu-ragu dan takut sekiranya diberhentikan kerja pada bila-bila masa akan mempengaruhi emosi pekerja serta perasaan kepuasan kerja seseorang (Daud, 2010). Walau bagaimanapun, keadaan tersebut telah menjejaskan sektor awam berbanding pekerja sektor swasta untuk jaminan pekerjaan dalam sektor swasta adalah sangat rendah berbanding dengan sektor kerajaan, terutama bagi pekerja atau status kontrak tidak kekal.

Selain itu, penempatan pekerja di bahagian atau unit di dalam sesebuah organisasi perlu dikaji semula. Terdapat juga pekerja yang mempunyai latar belakang pendidikan yang khusus tapi tidak ditempatkan di bahagian yang sesuai dalam organisasi tersebut. Hal ini akan merugikan pihak organisasi kerana pengetahuan yang sepatutnya dikongsi tidak dapat dikemukakan. Justeru itu, pihak pengurusan sumber manusia perlu membuat semakan semula agar kepuasan kerja dapat dicapai dan melahirkan pekerja yang berkualiti. Mengikut pengalaman pengkaji wujud ketidakpuasan kerja sekiranya tugas yang diberikan berlaianan dengan bidang pendidikan yang telah dipelajari oleh pekerja. Kesungguhan dan minat dalam menjalankan tugas tidak dapat dilaksanakan dengan baik dan wujud perasaan tidak selesa serta ponteng kerja kerana tidak gembira

Pelbagai tindakan serta usaha yang dilakukan untuk membantu mengurangkan masalah ketidakpuasan kerja iaitu Perdana Menteri Malaysia, Datuk Seri Najib telah memperkenalkan Gagasan 1Malaysia dengan melaungkan slogan 'Rakyat Didahulukan,

Pencapaian Diutamakan'. Kerajaan Malaysia sedang berusaha meningkatkan mutu perkhidmatan sektor awam dan kepuasan kerja dikalangan kakitangan. Menyadari akan hakikat ini, pelbagai usaha telah dilakukan oleh pihak pengurusan syarikat untuk memaksimumkan tahap kepuasan kerja pekerja. Antaranya ialah dengan menambah baik kualiti kehidupan pekerja. Justeru itu, beberapa langkah telah dilaksanakan bagi meningkatkan semula momentum kepada anggota awam untuk lebih bersemangat dalam melaksanakan tugas dan tanggungjawab yang diberi. Perdana Menteri Malaysia, Datuk Seri Najib Tun Razak ketika dalam ucapan pada Majlis Perdana Perkhidmatan Awam ke-14 pada 17 Jun 2015 telah mengumumkan sebanyak 1.1 juta penjawat awam bakal menikmati kenaikan kadar imbuhan tetap perumahan berkuat kuasa November. Menurut Dato seri Najib, kadar baharu terendah imbuhan tetap perumahan dinaikkan kepada RM300 sebulan berbanding RM180 buat masa ini. Penyelarasan kenaikan itu akan dibuat secara berperingkat, sehingga ke Gred 41.

Selain itu, pengumuman oleh Perdana Menteri Malaysia dalam Bajet 2016 pada 23 Oktober 2015 memberikan motivasi kepada semua kakitangan awam. Faedah pemindahan gaji bersamaan satu kenaikan gaji tahunan mengikut gred bukan sahaja dapat meringankan beban kakitangan awam, malah menaikkan semangat untuk terus berkhidmat dalam sektor awam. Kenaikan gaji minimum anggota awam daripada RM900 sebulan kepada RM1,200.00. Kesemua ini akan berkuatkuasa pada Julai 2016. Ditambah pula dengan pemberian khas sebanyak RM500.00 kepada semua penjawat awam. Namun segala usaha itu diharapkan sedikit sebnayak dapat meningkatkan tahap kepuasan pekerja.

Dalam sesebuah organisasi, pengurusan sumber manusia yang ingin meningkatkan prestasi kerja secara hakikinya memerlukan penyertaan holistik para

pekerja mereka terutamanya yang bermotivasi tinggi. Oleh itu, motivasi dilihat sebagai salah satu pendekatan terbaik yang boleh digunakan untuk mencapai matlamat tersebut. Tidak dapat dinafikan bahawa motivasi menjadi faktor yang sangat penting dalam mencapai prestasi kerja yang dikehendaki oleh syarikat. Kebanyakan masalah yang wujud dalam organisasi pada masa kini adalah akibat daripada kepuasan kerja yang rendah.

Sikap negatif sebegini boleh merosakkan diri sendiri serta akan membawa kesan buruk terhadap kemajuan dan kelangsungan sesebuah organisasi. Jika tidak ditangani dengan segera, secara tidak langsung ia akan menyebabkan reputasi dan prestasi organisasi menurun dan terjejas. Senario ini akan menghalang usaha organisasi mencapai matlamat yang telah ditetapkan. Selain itu, misi dan visi yang telah digariskan oleh organisasi tidak akan menjadi realiti kesan daripada sikap negatif tersebut.

Justeru itu, adalah penting bagi sesebuah organisasi memahami konsep motivasi dan faktor-faktor yang mempengaruhinya secara mendalam agar kecemerlangan organisasi yang diimpikan dapat digapai dengan jayanya. Maka, kajian yang dijalankan ini bertujuan untuk mengenalpasti peranan amalan sumber manusia dan keseimbangan tuntutan kerja-tanggungjawab peribadi terhadap kepuasan kerja dapat dilaksanakan dengan baik.

Faktor-faktor kepuasan kerja mempengaruhi faktor motivasi. Terdapat ramai ahli psikologi yang mengemukakan teori motivasi. Kebanyakan teori motivasi boleh dibahagikan kepada dua jenis iaitu yang berasaskan keperluan dan teori berasaskan proses kognitif. Walaubagaimanapun, Teori Keperluan Maslow, Teori Herzberg dan Teori Pencapaian McClelland merupakan teori yang paling digemari oleh para pengkaji.

Manakala, teori yang berasaskan teori kognitif merujuk kepada teori dan Jangkaan Vroom Teori Ekuiti Adam teori yang berasaskan kognitif merujuk kepada Teori Jangkaan Vroom dan Teori Ekuiti Adam. Walaubagaimanapun pengkaji hanya memilih dua Teori tersebut iaitu Teori Maslow dan Teori Herzberg sahaja kerana ia merangkumi mengenai kesemua aspek seseorang individu atau pekerja.

Kajian berkaitan kepuasan kerja menjadi tumpuan ahli akademik dan pengkaji pada masa kini memandangkan masalah ini merupakan masalah yang sering berlaku di dalam organisasi. Tambahan pula kajian terhadap kepuasan kerja di GLC's masih perlu diterokai memandangkan kajian ini masih belum banyak dijalankan.

1.4 Persoalan Kajian

Berdasarkan pernyataan masalah dan objektif kajian, terdapat beberapa persoalan yang wujud seperti berikut:-

- Bagaimanakah terdapat hubungan Amalan Sumber Manusia terhadap Kepuasan Kerja?
- Bagaimanakah terdapat hubungan Keseimbangan Tuntutan Kerja-Tanggungjawab Peribadi terhadap Kepuasan Kerja?

1.5 Objektif Kajian

Kajian ini terbahagi kepada dua objektif iaitu objektif umum dan objektif khusus.

1.5.1 Objektif Umum

Secara umumnya, kajian ini bertujuan untuk melihat perhubungan antara Amalan Sumber Manusia dan Keseimbangan Tuntutan Kerja – Tanggungjawab Peribadi terhadap kepuasan kerja pekerja di tempat kerja.

1.5.2 Objektif Khusus

- I. Mengenalpasti hubungan Amalan Sumber Manusia terhadap Kepuasan Kerja.
- II. Mengenalpasti hubungan Keseimbangan Tuntutan Kerja-Tanggungjawab Peribadi terhadap Kepuasan Kerja.

1.6 Skop Kajian

Kajian ini dijalankan bagi mengenalpasti hubungan di antara pemboleh ubah tidak bersandar iaitu Amalan Sumber Manusia dan Keseimbangan Tuntutan Kerja-Tanggungjawab Peribadi, manakala pemboleh ubah bersandar adalah Kepuasan Kerja.

Kajian ini memfokuskan kepada kumpulan sokongan I dan II. Rasional memilih kakitangan ini kerana mereka merupakan kumpulan pekerja yang paling besar di dalam organisasi. Selain itu, kumpulan ini merupakan mereka yang menentukan samada misi dan visi sesebuah organisasi tercapai.

Kajian ini dilaksanakan di tiga buah GLC's yang dipilih iaitu Perbadanan Kemajuan Negeri Kedah, Perbadanan Menteri Besar dan Yayasan Islam Negeri Kedah. Rasional pemilihan GLC's tersebut disebabkan terdapat ramai pekerja yang bermasalah.

Rasional memilih GLC's ini adalah kerana organisasi ini menjalankan pengurusan operasi yang Ketiga-tiga GLC's ini juga melaksanakan dasar polisi dan prosedur yang sama. GLC's yang dipilih ini terletak di Bandar Alor Setar dan merupakan GLC's yang aktif dan menjalankan pengurusan operasi serta banyak memberi sumbangan kepada Kerajaan Negeri Kedah. Walaupun tidak terdapat semua wakil daripada GLC's tetapi organisasi yang dipilih ini sudah memadai untuk menyelesaikan konflik yang timbul dalam kumpulan yang diwakilinya secara pengedaran soal selidik. Oleh yang demikian, kajian ini mengambil keputusan untuk memilih GLC's dari kumpulan sokongan I dan II sebagai responden kajian.

1.7 Kepentingan Kajian

Hasil kajian boleh membantu pihak pengurusan GLC'S merangka strategi-strategi untuk meningkatkan tahap kepuasan pekerja kumpulan sokongan I dan II dan seterusnya mengurangkan konflik antara pekerja dan majikan dan akhirnya akan meningkatkan kecekapan dan kebersanan organisasi .

pengangkutan, percutian, meningkatkan gaji, elaun, ganjaran dan lain-lain. Menurut Taylor (1998) yang dikenali sebagai 'Bapa Pengurusan Saintifik' menyatakan terdapat tiga prinsip asas dalam peningkatan seseorang pekerja iaitu : Pertama, majikan perlu memberikan tugas yang jelas kepada pekerja supaya mudah untuk dilaksanakan. Selain itu, pekerja juga perlu diberi spesifikasi kerja supaya dapat menyelesaikan tugas yang diberikan mengikut tempoh yang telah ditetapkan serta cara-cara melaksanakan tugas tersebut. Kedunya, pihak majikan perlu memastikan kesesuaian tugas dengan pemilihan pekerja supaya kerja dapat dilaksanakan dengan baik. Ketiganya, majikan perlu memberi pendedahan serta mempertingkatkan motivasi kepada para pekerja supaya mencapai hasil yang maksimum.


Teori ini lebih menjurus kepada pemboleh ubah tidak bersandar kajian iaitu Amalan Sumber Manusia. Herzberg (1959) menyatakan bahawa kepuasan bekerja ialah sikap yang positif dan perasaan yang wujud di kalangan pekerja kepada kerja yang dijalankan. Kepuasan kerja ini melibatkan beberapa faktor dan bukan sahaja di kalangan pekerja dengan pekerja lain.

Sementara itu, ganjaran yang diterima oleh pekerja melalui faktor dalaman dan luaran melalui hasil kerja mereka. Manakala, ganjaran adalah penerimaan oleh pekerja melalui faktor dalaman dan luaran melalui hasil kerja mereka (Herzberg, Mausner Et Synderman, 1959). Menurut Milkovich Et Newman (1993), ganjaran melibatkan pulangan dan imbuhan yang diterima oleh seseorang individu terhadap perkhidmatan yang diberikan (Herzberg *al et.* (1959) dan Henderson (1996) telah mencadangkan dua jenis ganjaran iaitu ganjaran dalaman (intrinsik) dan ganjaran luaran (ekstrinsik). Ganjaran dalaman merujuk kepada segala bentuk ganjaran yang tidak menyumbang

secara langsung dalam sistem atau ganjaran skim termasuk pencapaian, pengiktirafan, kenaikan pangkat, kerja dan tanggungjawab. Ganjaran dalaman memberi secara tidak langsung, iaitu hasil daripada keadaan, tindakan atau aktiviti yang wujud dalam organisasi yang membawa kepada kesan positif kepada kesejahteraan yang intelek, emosi dan fizikal pekerja. Di samping itu, terdapat juga manfaat oleh faktor-faktor luaran termasuk gaji, elaun, kerja lebih masa, bonus dan komisen, persekitaran kerja, polisi syarikat, bantuan teknikal, dan keselamatan pekerja. Ganjaran luaran termasuk penyata kewangan dan faedah ketara yang diterima oleh pekerja individu dalam kerja-kerja yang dijalankan (Bernardin Et Rusell, 1998).

Konsep ini juga pertukaran ganjaran sumbangan pekerja kepada organisasi manfaat yang diterima oleh pekerja atas dasar kerja yang dilakukan sama ada dalam bentuk intrinsik atau ekstrinsik (Herzberg et t., 1959; Milkovich Et Newman, 1993). Kajian oleh (Kovach, 1993) menyatakan bahawa pekerja di sektor swasta mempunyai tahap kepuasan yang lebih tinggi berbanding dengan pekerja di sektor awam kerana mereka menerima gaji yang lebih tinggi berbanding sektor awam. Namun, dari sudut manfaat kepada pekerja sektor awam menerima faedah yang lebih tinggi dan mempunyai tahap kepuasan yang tinggi dengan faedah berbanding pekerja di sektor swasta Robert Et Chonko (1994) menyatakan bahawa hubungan antara kepuasan kerja ke atas pembayaran dan kadar pertukaran di kalangan pekerja adalah tidak wujud. Kenyataan ini agak bertentangan dengan penemuan Mahmood et at. (1997) dan Oshagbemi (1997) yang mencari semua ganjaran yang diterima oleh pekerja mempunyai hubungan positif yang signifikan dengan kepuasan kerja.

2.5 Kerangka Konseptual



Rajah 2.2 Menunjukkan Kerangka Kerja Konseptual

Rajah 2.2 merupakan rangka kerja yang menunjukkan semua pemboleh ubah yang akan dikaji. Pemboleh ubah tidak bersandar terdiri daripada dua faktor iaitu Amalan Sumber Manusia dan Keseimbangan Tuntutan Kerja-Tanggungjawab Peribadi. Manakala pemboleh ubah bersandar yang ingin dikaji adalah kepuasan kerja pekerja di tempat kerja. Anak panah dalam rajah menunjukkan perhubungan antara pemboleh ubah tidak bersandar dengan pemboleh ubah bersandar.

2.6 Mengenalpasti jurang dalam ulasan karya

Hasil kajian Muhammad (2010) mendapati bahawa amalan sumber manusia memberi tidak memberi kesan yang banyak terhadap kepuasan kerja dikalangan pekerja di Public Bank Berhad. Oleh itu, jaminan keselamatan kerja adalah sangat penting dan jika tidak ada jaminan boleh bekerja menimbulkan pelbagai sikap negatif di tempat kerja dan kerja rasa tidak puas hati faktor memberikan pengurangan dalam komitmen untuk bekerja dalam organisasi Daud (2010) Hasil kajian yang dijalankan di beberapa buah bank dan kilang di Batu Pahat, Johor yang telah merumuskan bahawa jaminan kerja berhubung

secara signifikan dengan kepuasan kerja dan komitmen terhadap organisasi. Menurut Adey dan Bahari (2010) kajian terhadap kakitangan Jabatan Perkhidmatan Awam Negeri Sabah (JPANS) turut menyatakan kepuasan kerja mempunyai signifikan positif dengan komitmen pekerja terhadap organisasi.

Menurut Abdullah, Bilau, Enegbuma, Ajagbe (2011) kajian terhadap pekerja binaan di Nigeria di Nigeria menunjukkan pekerja masih berminat untuk terus setia bekerja dalam organisasi walaupun tidak berpuas hati dengan status pekerjaan mereka khususnya dari aspek pemberian gaji pekerja. Walaubagaimanapun, situasi tersebut telah menyebabkan tahap produktiviti berkurangan dalam industri secara keseluruhannya (Abdullah, Bilau, Enegbuma, Ajagbe, & Ali, 2011). Oleh itu, Abdullah et. al (2011) berpendapat, pihak pengurusan sumber manusia perlu berusaha untuk membikpulih tahap kepuasan kerja dalam kalangan pekerja supaya tahap pekhidmatan cemerlang dan terbaik dalam organisasi dapat dikekalkan dengan memberi ganjaran atau insentif yang menarik.

Mengikut hasil laporan kajian mendapati bahawa faktor-faktor yang mempengaruhi kepuasan kerja seseorang individu akan memberi kesan negatif menjejaskan tahap produktiviti pekerja. Oleh itu, dapat disimpulkan bahawa kepuasan kerja pekerja yang lebih tinggi juga akan meningkat produktiviti tenaga pekerja. Di samping itu, penentu tahap produktiviti pekerja juga sering dikaitkan dengan satu sama lain kerana ada timbal balik antara kepuasan kerja dan produktiviti pekerja.

2.7 Rumusan bab

Bab ini meliputi teori-teori yang berkaitan dengan kepuasan kerja dan kajian-kajian berkaitan amalan sumber manusia dan polisi keseimbangan tuntutan kerja dan tanggungjawab peribadi . Di samping itu juga, huraian terhadap peranan sumber manusia terhadap kepuasan kerja serta keseimbangan tuntutan kerja-tanggungjawab peribadi terhadap kepuasan kerja turut diterangkan. Hasil kajian lepas dan teori yang berkaitan dijadikan sokongan dan sebagai panduan untuk kajian ini. Manakala bab seterusnya akan membincangkan berkenaan kaedah dan metodologi yang digunakan dalam kajian ini.



UUM
Universiti Utara Malaysia

BAB 3

METODOLOGI KAJIAN

3.1 Pengenalan

Dalam bahagian ini penyelidik akan membentangkan kaedah pengumpulan data yang digunakan dalam mencari jawapan terhadap objektif kajian. Metodologi yang digunakan adalah rekabentuk kajian, rekabentuk soal selidik, prosedur pengumpulan data, instrumentasi kajian, kajian rintis populasi dan sampel, dan teknik analisis data.

3.2 Rekabentuk Kajian

Dalam kajian ini, kaedah kuantitatif dengan menggunakan soal selidik telah dijalankan untuk mengumpul data daripada satu populasi dengan menggunakan data kuantitatif. Menurut Freeman (1989), dalam mengenalpasti data yang baik untuk sampel secara rawak, pengkaji boleh menggunakan proses mengumpul data dan maklumat dengan menggunakan kaedah pendedaran borang soal selidik (Rossi,1999). Tambahan lagi, gabungan kedua-dua kaedah menjadikan maklumat yang diperoleh lebih lengkap (McGrill, 1999). Keputusan untuk menggunakan pendekatan ini berdasarkan fakta bahawa senarai faktor kepuasan kerja boleh dibangunkan daripada teori-teori dan kajian yang telah dijalankan oleh penyelidik lalu.

Dalam kajian ini, pengkaji hanya menggunakan kaedah pengedaran borang soal selidik sahaja. Pengedaran boring soal selidik diberikan secara bersemuka kepada responden. Melalui kaedah soal selidik, responden akan mengisi semua item yang disediakan. Menurut (Babbie, 1995) masalah bias dapat dikurangkan dengan penggunaan borang soal selidik kerana tiada pengaruh secara langsung daripada penyelidik kecuali penyelidik berada di tempat yang sama.

Rekabentuk kajian adalah satu rangka rujuk (blue print) mengenai perkara-perkara tentang pendekatan yang akan digunakan untuk mengumpul data, menjelaskan secara terperinci mengenai persekitaran, bagaimanakah data ini dikumpulkan, bagaimana subjek atau responden kajian dipilih, alat ukur yang digunakan, teknik-teknik atau pendekatan untuk mengumpulkan data, jenis persampelan yang digunakan dan limitasi dalam kajian tersebut (Sabitha, 2006).

Menurut Kinnear dan Gary (1996), kolerasi merupakan kaedah untuk mengkaji perhubungan antara dua pemboleh ubah. Terdapat dua jenis kajian yang digunakan iaitu Kolerasi Pearson dan Regresi, di mana ia adalah untuk melihat perhubungan antara dua pemboleh ubah. Dalam kajian ini pemboleh ubah-pemboleh ubah yang terlibat adalah Hubungan Amalan Sumber Manusia dan Keseimbangan Tuntutan Kerja - Tanggungjawab Peribadi dengan Kepuasan Kerja.

3.2.1 Sumber Data

Data adalah fakta empirik yang dikumpulkan oleh peneliti untuk kepentingan memecahkan masalah atau menjawab pertanyaan penelitian. Sumber data dapat diperolehi dalam pelbagai cara yang dikumpulkan dengan menggunakan

berbagai teknik selama kegiatan kajian berlangsung. Sumber data dapat dikelompokkan dalam dua jenis iaitu data primer dan data sekunder. Data primer adalah data yang diperoleh atau dikumpulkan oleh peneliti secara langsung dari sumber datanya. Data primer juga disebut sebagai data asal atau data baru yang memiliki sifat pengemaskinian. Untuk mendapatkan data primer, pengkaji harus mengumpulkannya secara langsung. Teknik yang dapat digunakan seperti seperti pemerhatian, perbualan, perbincangan. Manakala data sekunder yang diperolehi atau dikumpulkan oleh pengkaji adalah dari pelbagai sumber yang ada. Data sekunder dapat diperolehi dari pelbagai sumber iaitu buku, laporan, jurnal dan sebagainya.

Menurut Umi Narimawati (2008) mengenai data primer di dalam bukunya "Metodologi Penelitian Kualitatif dan Kuantitatif: Teori dan Aplikasi" menyatakan bahawa data primer ialah data yang berasal dari sumber asli atau pertama. "Data ini tidak tersedia dalam bentuk kompilasi ataupun fail-fail. Data ini harus dicari melalui sumber atau istilah tekniknya responden, iaitu orang yang kita jadikan subjek penelitian atau orang yang kita jadikan sebagai sasaran mendapatkan informasi ataupun data". Dalam kajian ini pengkaji hanya menggunakan kaedah kutipan data melalui pengedaran boring sol selidk kepada responden di tiga GLC yang telah dipilih.

3.3 Analisis Unit

Unit analisis data kajian ini memfokuskan kepada individu kumpulan sokongan I dan II yang terdiri daripada Penolong Pegawai Tadbir, Penolong Akauntan, Penolong Juruteknik, Ketua Kerani, Kerani, Pembantu Am Pejabat dan Pemandu. Tujuan mengenalpasti kumpulan sokongan I dan II ini kerana mereka ini merupakan kakitangan yang banyak melaksanakan tugas-tugas yang diarahkan oleh pihak atasan untuk tindakan pelaksanaan sesuatu kerja tersebut.

3.4 Populasi dan persampelan

Populasi merupakan kes atau subjek yang diminati untuk dikaji (Sidek Mod Noah, 2002). Oleh yang demikian, populasi dalam kajian ini adalah semua kakitangan yang terdiri daripada Kumpulan Pengurusan dan Profesional serta Kumpulan Sokongan I dan II yang bekerja di GLC's iaitu PKNK, YINK dan MBI. Keseluruhan anggota organisasi tersebut berjumlah 262 anggota yang merangkumi 142 anggota PKNK, 30 anggota MBI dan 90 anggota YINK. Penyelidikan yang telah dijalankan dalam penyelidikan kaedah secara bancian dengan menggunakan borang soal selidik. Tujuannya ialah untuk memastikan agar penyelidikan ini dibuat dengan lebih teratur dan terancang di samping memastikan agar perkara utama yang diselidik dapat diberi perhatian yang sewajarnya. Semua borang soal selidik diedarkan pada tiga organisasi dan dikhususkan kepada anggota kumpulan sokongan I dan II sahaja seperti Jadual 3.1 berikut:

Jadual 3.1
Soalan Responden

BIL	ORGANISASI/ SYARIKAT	BILANGAN KAKITANGAN (populasi)	(sampel)	(responden)/% yang menjawab soalan
1	PERBADANAN KEMAJUAN NEGERI KEDAH	142	65	54(83.1%)
2	PERBADANAN MENTERI BESAR	30	19	10(52.6%)
3	YAYASAN ISLAM NEGERI KEDAH	90	71	53 (74.6%)
	JUMLAH	262	155	117 (75.5%)

Menurut Sidek Mod Noah (2005) sampel merujuk kepada cabutan kes atau subjek sesuatu daripada sesuatu populasi. Keputusan pemilihan sampel bagi kajian ini adalah melalui persampelan rawak mudah dimana ia merupakan satu proses mengeluarkan suatu sample dalam mana-mana unit secara individu dan langsung secara rawak (Ahmad Mahdzan, 1997). Menurut Krejcie, Robert V., Morgan, Daryle W. (1970) jumlah minimum untuk sampel pula ditetapkan berdasarkan jadual sampel saiz minimum .

3.5 Teknik Pengumpulan Data

Penyelidik telah mengedarkan borang soal selidik secara bersemuka dengan kakitangan organisasi GLC'S yang dipilih iaitu PKNK, MBI, dan YIKED. Penyelidik telah menunggu sendiri sementara menerima maklumbalas borang selidik daripada responden. Walaubagaimanapun, daripada 155 orang responden bagi tiga buah GLC's tersebut hanya 117 responden yang dapat memberi maklumat soal selidik tersebut. Kekurangan maklumbalas soal selidik daripada 38 responden kerana terdapat kakitangan yang

bercuti cemas, cuti sakit, berkursus dan bekerja di luar kawasan. Sementara itu, 13 borang soal selidik tidak dapat digunapakai dalam kajian ini kerana tidak disempurnakan dengan baik. Oleh itu, hanya 104 soal selidik yang telah dikodkan dalam kajian ini.

3.6 Instrumentasi Kajian (Borang Soal Selidik)

Kajian ini dijalankan dengan menggunakan borang soal selidik sebagai instrumen. Manakala instrumen kajian ini diadaptasi daripada Borang Soal Selidik yang telah direka bentuk oleh Hinshaw & Atwood (1984), Heneman, H. G., & Schwab, (1985) Pare et.al (2001) dan Malgorzata Kluczyk (2013). Data yang dikumpul merupakan data primer. Borang soal selidik yang disediakan adalah berbentuk dwibahasa iaitu Bahasa Melayu dan Bahasa Inggeris bagi memudahkan responden memahami maksud soalan dengan lebih jelas.

Kaedah ini dipilih berdasarkan beberapa sebab, antaranya ialah:-

- i. Soal selidik menjimatkan masa, tenaga dan kos.
- ii. Kaedah ini adalah paling sesuai dan relevan untuk mendapatkan maklumat

Borang soal selidik yang disediakan terdiri daripada tiga bahagian iaitu Bahagian A, Bahagian B dan Bahagian C. Pada Bahagian A, soalan yang dikemukakan adalah merupakan ruangan untuk mengumpul data demografi responden. Terdapat tujuh komponen yang perlu diisi oleh responden iaitu jantina, umur, bangsa, status perkahwinan, taraf pendidikan, jawatan dan tempoh perkhidmatan.

Manakala Bahagian B pula merupakan soalan yang berkaitan dengan pemboleh ubah bersandar iaitu kepuasan kerja. Sebanyak 13 soalan dikemukakan dan kesemua soalan adalah merupakan soalan tertutup.

Seterusnya, Bahagian C mengemukakan soalan berkaitan dengan pemboleh ubah tidak bersandar iaitu Amalan Sumber Manusia dan Keseimbangan Tuntutan Kerja –Tanggungjawab Peribadi terhadap kepuasan kerja. Sebanyak 56 soalan telah dikemukakan dengan dua pecahan komponen. Pada komponen Amalan Sumber Manusia, terdapat 26 soalan. Manakala bagi komponen Keseimbangan Tuntutan Kerja telah dibahagikan kepada lima dimensi iaitu 5 soalan keluarga-konflik kerja, 5 soalan kerja-konflik keluarga, 5 soalan kepuasan keluarga, 3 soalan kepuasan kerja dan 12 soalan psikologi kesihatan. Keseluruhan jumlah soalan keseimbangan tuntutan kerja adalah sebanyak 30 soalan yang telah dikemukakan. Borang Soal Selidik yang telah direka bentuk oleh Hinshaw & Atwood (1984), Heneman, H. G., & Schwab, (1985) dan Pare *et.al* (2001) -Hinshaw& Atwood. (1984).

Mereka diminta menjawab semua soalan yang dikemukakan secara jujur dan ikhlas. Mereka digalakkan untuk mengambil bahagian dalam soal selidik ini kerana ia tidak mengambil masa yang lama. Mereka turut dimaklumkan bahawa keenganan untuk mengambil bahagian dalam soal selidik ini tidak akan dikenakan sebarang penalti/denda kerana penyertaannya adalah secara sukarela. Borang soal selidik yang lengkap telah diedarkan di kalangan anggota GLC's iaitu PKNK, MBI dan YINK yang berjawatan sebagai Penolong Pegawai Tadbir, Penolong Akauntan, Penolong Jurukteknik, Ketua Kerani, Kerani, Pembantu Am Pejabat dan Pemandu.

Pengkaji telah menggunakan kajian keratan rentas atau “cross-sectional study” di dalam soal selidik bagi mengumpul data primer. Menurut Sekaran & Bougie (2010) data yang dikumpulkan memerlukan masa selama dua minggu untuk menjawab soalan penyelidikan. Dalam usaha untuk mengedarkan soal selidik, teknik pentadbiran persendirian telah digunakan oleh pengkaji. Teknik ini dipilih kerana data boleh dikutip

daripada responden dalam tempoh yang singkat iaitu diantara lima jam selepas soal selidik yang telah diedarkan.

Jadual 3.2

Senarai Instrumen Kajian Yang Digunakan

Bhg.	Bil Soalan	Huraian	Sumber
A	7	Demografi	Hinshaw & Atwood(1984)
B	13	Kepuasan Kerja	Henemen, H.G., Schwab (1985)
C	26	Amalan Sumber Manusia	Pare et.al (2001)
D	30	Keseimbangan Tuntutan Kerja	Malgorzata Kluczyk (2013)
		-Tanggungjawab Peribadi	
	76	Jumlah Keseluruhan	

Soalan-soalan yang diberikan mengandungi soalan yang perlu dijawab mengikut pemeringkatan yang telah ditetapkan dengan menggunakan skala Likert seperti berikut:-

1. Sangat tidak setuju - tahap sangat rendah
2. Tidak setuju - tahap rendah
3. Kurang pasti - tahap sederhana
4. Setuju - tahap tinggi
5. Sangat setuju - tahap sangat tinggi

Kepuasan Kerja

Jadual 3.3

Soalan berkaitan kepuasan kerja

1	2	3	4	5
Strongly Disagree <i>Sangat tidak setuju</i>	Disagree <i>Tidak setuju</i>	Neutral <i>Tidak pasti</i>	Agree <i>Setuju</i>	Strongly Agree <i>Sangat Setuju</i>

Dimensi	Definisi Operasional	Item
Kepuasan Kerja	Merujuk kepada satu tindakan emosi yang positif bagi seseorang individu terhadap kerja yang dilaksanakan serta isu yang berkaitan dengan gaji, kenaikan pangkat, peluang mendapatkan latihan dan pengembangan kerjaya, penyeliaan dan rakan sekerja sekerja dan keseimbangan antara tuntutan kerja dan tanggungjawab peribadi.	<ol style="list-style-type: none"> 1. Saya rasa saya telah dibayar jumlah gaji yang setimpal dengan kerja yang saya lakukan. 2. Peluang kenaikan pangkat dalam pekerjaan ini adalah tipis. 3. Penyelia saya tidak adil dalam melakukan pekerjaan. 4. Saya tidak berpuas hati dengan faedah yang saya terima. 5. Apabila saya melakukan tugas dengan baik, saya menerima pengiktirafan yang sepatutnya 6. Banyak peraturan dan prosedur yang dibuat adalah baik tetapi sukar dilaksanakan 7. Saya suka bekerja dengan individu sekeliling saya. 8. Kadang-kadang saya merasakan bahawa kerja saya adalah sia-sia 9. Komunikasi dalam organisasi ini adalah baik. 10. Kenaikan gaji adalah terlalu sedikit dan mempunyai perbezaan yang ketara. 11. Individu yang menunjukkan prestasi kerja yang baik diberi peluang yang adil untuk kenaikan pangkat. 12. Penyelia saya tidak berlaku adil kepada saya. 13. Faedah yang kami terima di

		organisasi ini sama seperti organisasi lain.
--	--	--

Hinshaw & Atwood (1984), Heneman, H. G., & Schwab, (1985) Pare et.al (2001)

Peranan Amalan Sumber Manusia

Jadual 3.4

Soalan berkaitan Peranan Amalan Sumber Manusia

1	2	3	4	5
Strongly Disagree <i>Sangat tidak setuju</i>	Disagree <i>Tidak setuju</i>	Neutral <i>Tidak pasti</i>	Agree <i>Setuju</i>	Strongly Agree <i>Sangat Setuju</i>

Dimensi	Definisi Operasional	Item
Amalan Sumber Manusia	Merujuk kepada fungsi yang diamalkan oleh pihak pengurusan dalam pelaksanaan dalam sesebuah organisasi iaitu gaji, kenaikan pangkat, program latihan dan faedah serta pampasan yang diterima.	<ol style="list-style-type: none"> 1. Saya berpuas hati dengan pakej faedah yang disediakan. 2. Saya berpuas hati dengan pencapaian terkini saya. 3. Saya berpuas hati dengan bayaran faedah yang diberikan oleh organisasi 4. Saya berpuas hati dengan kenaikan gaji yang diberikan. 5. Saya berpuas hati dengan struktur gaji yang organisasi berikan 6. Saya berpuas hati dengan struktur gaji yang organisasi berikan 7. Saya berpuas hati dengan maklumat yang diberikan oleh organisasi mengenai isu bayaran yang merupakan perhatian saya. 8. Saya berpuas hati dengan nilai faedah yang diterima. 9. Saya berpuas hati dengan

		<p>konsistensi polisi penggajian yang diberikan oleh organisasi</p> <ol style="list-style-type: none"> 10. Saya berpuas hati dengan jumlah faedah yang diterima 11. Saya berpuas hati dengan kenaikan gaji yang telah ditetapkan 12. Saya berpuas hati dengan perbezaan dalam penggajian di setiap tugas di organisasi ini. 13. Saya berpuas hati dengan cara pentadbiran dalam penggajian di organisasi ini. 14. Organisasi ini menyediakan latihan kerja yang spesifik kepada saya. 15. Saya dapat mempraktikkan apa yang diperolehi daripada latihan yang diberikan oleh organisasi ini. 16. Terdapat peluang pembangunan yang disediakan oleh organisasi. 17. Saya berpeluang untuk terlibat dalam aktiviti yang menggalakan pembangunan kemahiran saya. 18. Individu yang ditaja untuk mengikuti program latihan telah dikenalpasti dengan teliti keperluan pembangunan yang diinginkan. 19. Melalui latihan kemahiran, kompetensi dalam hubungan manusia dapat dibangunkan secukupnya di organisasi ini. 20. Latihan yang mencukupi disediakan kepada semua individu di dalam organisasi ini 21. Pekerja di dalam organisasi turut mengambil bahagian dalam menentukan latihan yang mereka perlukan 22. Saya mempunyai peluang kenaikan pangkat yang baik. 23. Saya mendapat peluang kerjaya yang mencukupi di organisasi ini 24. Kekosongan jawatan di organisasi
--	--	---

		<p>ini kebiasaannya diisi oleh individu awam.</p> <p>25. Adalah mudah untuk bertukar ke bahagian lain</p> <p>26. Bagi mengisi kekosongan jawatan yang ada, adalah lebih mudah diperolehi oleh individu dalaman berbanding individu awam.</p>
--	--	--

Hinshaw & Atwood (1984), Heneman, H. G., & Schwab, (1985) Pare et.al (2001)

3.6.3 Keseimbangan Tuntutan Kerja

Jadual 3.5

Soalan berkaitan keseimbangan tuntutan kerja- tanggungjawab peribadi

1	2	3	4	5
Strongly Disagree <i>Sangat tidak setuju</i>	Disagree <i>Tidak setuju</i>	Neutral <i>Tidak pasti</i>	Agree <i>Setuju</i>	Strongly Agree <i>Sangat Setuju</i>

Dimensi	Definisi Operasional	Item
Keseimbangan Tuntutan Kerja -Tanggungjawab peribadi 1. Keluarga – Konflik Kerja	Merujuk kepada kemampuan seseorang individu/ pekerja menguruskan tugas di pejabat secara efektif dengan kehidupan' kesihatan diri, pembangunan keluarga, aktiviti kemasyarakatan, riadah dan masa rekreasi.	<ol style="list-style-type: none"> 1. Tanggungjawab terhadap keluarga atau pasangan / rakan kongsi tidak mengganggu aktiviti yang berkaitan dengan kerja 2. Saya perlu menangguhkan melakukan perkara-perkara di tempat kerja kerana pada masa yang sama saya perlu memenuhi permintaan di rumah 3. Perkara yang saya mahu lakukan di tempat kerja dapat dilakukan kerana tanggungjawab kepada keluarga atau pasangan saya 4. Kehidupan di rumah saya tidak mengganggu tanggungjawab saya bekerja

		<p>dalam melaksanakan tugas-tugas harian dan bekerja lebih masa.</p> <p>5. Masalah keluarga tidak mengganggu keupayaan saya untuk melaksanakan tugas-tugas yang berkaitan dengan kerja saya</p>
2. Kerja – Konflik Keluarga		<p>1. Tuntutan kerja tidak mengganggu kehidupan di rumah dan keluarga saya.</p> <p>2. Jumlah masa kerja yang diambil membuatkan saya sukar untuk memenuhi tanggungjawab dengan keluarga</p> <p>3. Perkara yang saya mahu lakukan di rumah dapat dilakukan kerana bebanan tugas kerja saya</p> <p>4. Bebanan tugas saya tidak menyukarkan saya memenuhi kewajipan keluarga</p> <p>5. Oleh kerana tugas-tugas yang berkaitan dengan kerja, saya perlu membuat perubahan dengan merancang aktiviti keluarga</p>
3. Kepuasan Keluarga		<p>1. Kebanyakan cara hidup keluarga saya bersesuaian dengan ideal saya</p> <p>2. Kedudukan keluarga saya sangat baik.</p> <p>3. Saya berpuashati dengan kehidupan keluarga saya sekarang.</p> <p>4. Setakat ini, saya telah memperolehi perkara-perkara penting yang saya mahukan dalam kehidupan keluarga saya</p> <p>5. Jika kehidupan keluarga saya telah berakhir, saya tidak akan mengubah segala-galanya.</p>

4. Kepuasan Kerja		<ol style="list-style-type: none"> 1. Secara umumnya, saya amat gembira dengan kerja saya 2. Saya tidak berfikir untuk meninggalkan kerja ini 3. Saya berpuas hati dengan jenis kerja yang saya lakukan dalam tugas saya
5. Psikologi Kesihatan		<ol style="list-style-type: none"> 1. Adakah anda dapat menumpukan perhatian kepada apa yang anda lakukan? 2. Adakah anda kurang tidur kerana kebimbangan? 3. Adakah anda merasakan anda sedang memainkan peranan yang berguna dalam sesuatu perkara? 4. Adakah anda berasa mampu membuat keputusan mengenai sesuatu perkara ? 5. Adakah anda berasa sentiasa berada di bawah tekanan? 6. Adakah anda merasakan anda boleh mengatasi masalah anda? 7. Adakah anda dapat menikmati kehidupan yang normal dalam aktiviti seharian? 8. Adakah anda dapat menikmati aktiviti biasa anda sehari-hari? 9. Adakah anda berasa tidak berpuas hati atau tertekan? 10. Adakah anda telah hilang keyakinan pada diri sendiri? 11. Adakah anda terfikir diri anda sebagai seorang yang tidak bernilai? 12. Adakah anda rasa kegembiraan anda sangat bermakna, serta semua perkara telah dipertimbangkan?

Malgorzata Kluczyk (2013)

3.7 Teknik Analisis Data

Data yang terkumpul diproses dan dianalisis menggunakan perisian *Statistical Package for Social Sciences (SPSS)* versi 20.0 bagi melihat hubungan kait dan korelasi di antara pemboleh ubah tidak bersandar dengan pemboleh ubah bersandar. Data-data yang dikumpulkan akan dianalisis untuk menjadi maklumat yang penting kepada kajian ini. Antara analisis yang terlibat dalam kajian ini adalah Statistik Deskriptif, Kolerasi Pearson dan Regresi yang mengkaji perhubungan antara pemboleh ubah bersandar dan pemboleh ubah tidak bersandar.

Analisis deskriptif digunakan dalam mencari frekuensi yang asas, jumlah skor dan kekerapan seperti taburan min, sisihan piawai, peratus dan bilangan. Analisis ini dilakukan ke atas semua pemboleh ubah agar pengkaji dapat meneliti pemboleh ubah yang terlibat dan dapat memerihalkan tentang sampel. Statistik deskriptif merupakan statisik yang digunakan untuk menghuraikan ciri-ciri pemboleh ubah (Chua, 2006b).

Menurut Chua (2006b), statistik inferensi dinilai menggunakan analisis regrasi, analisis faktor dan kolerasi Pearson untuk melihat hubungan di antara pemboleh ubah. Ujian-ujian ini akan membantu pengkaji untuk menyatakan perhubungan antara pemboleh ubah- pemboleh ubah dalam kajian kuantitatif.

Jadual 3.2

Kaedah Analisis Data yang digunakan

NO	PERSOALAN KAJIAN	OBJEKTIF KAJIAN	KAEDAH ANALISIS DATA
1.	Bagaimanakah hubungan Amalan Sumber Manusia terhadap Kepuasan Kerja?	Mengenalpasti hubungan Amalan Sumber Manusia terhadap Kepuasan Kerja.	Kolerasi Pearson
2.	Bagaimanakah hubungan Keseimbangan Tuntutan Kerja-Tanggungjawab Peribadi terhadap Kepuasan Kerja?	Mengenalpasti hubungan Keseimbangan Tuntutan Kerja-Tanggungjawab Peribadi terhadap Kepuasan Kerja.	Kolerasi Pearson

3.8 Tinjaun Rintis

Tinjaun rintis dilakukan ke atas sebuah anak syarikat GLC's iaitu Bina Darul Aman Berhad. Sebanyak 30 soal selidik yang telah dikemukakan mengikut kumpulan sasaran iaitu Kumpulan Sokongan I dan II. Berdasarkan Sabitha (2006) dan Chua (2006a), sebanyak 30-50 orang responden adalah memadai untuk satu kajian rintis. Pengedaran soal selidik telah di adakan pada bulan Julai 2015 untuk menguji soalan-soalan dan untuk menyelidik kebolehpercayaan setiap nilai dimensi di dalam instrumen. Proses kajian rintis adalah untuk melihat samada item boleh di percayai, sekiranya mempunyai konsisten dalaman (Piaw, 2012).

Walaupun item adalah di ambil daripada instrumen yang telah siap tersedia, kajian rintis masih perlu untuk menguji sifat responden. Perbezaan individu daripada pelbagai latarbelakang budaya dan demografi akan memberi respon berbeza kepada soalan yang ditanya. Semua soalan kajiselidik iaitu kepuasan kerja, amalan pengurusan sumber manusia dan keseimbangan tuntutan kerja-tanggungjawab peribadi telah di alih bahasa ke bahasa Melayu serta soalan berbahasa Inggeris di kekalkan.

Selain daripada itu, kajian rintis akan membantu para penyelidik untuk menilai kesesuaian persoalan penyelidikan dan membuat penambahbaikan untuk kajian sebenar. Berdasarkan maklumbalas daripada kajian rintis, beberapa penambahbaikan telah di buat kepada item. Jadual 3.6 menunjukkan kebolehpercayaan setiap pembolehubah dan juga dimensi di bawahnya.

Jadual 3.6 Tahap kebolehpercayaan ujian rintis dengan Nilai Alpha Cronbach
Keputusan kebolehpercayaan setiap pembolehubah dan dimensi.

Pemboleh ubah	Jumlah soalan	Cronbach's Alpha
Kepuasan kerja	13	0.758
Amalan sumber manusia	26	0.936
Keseimbangan tuntutan kerja - tanggungjawab peribadi	30	0.709

3.9 Rumusan bab

Bab ini menerangkan tentang metodologi kajian yang digunakan bagi mencapai objektif kajian. Secara keseluruhannya kaedah penyelidikan adalah berbentuk tinjauan yang menggunakan soal selidik sebagai instrument kajian. Teknik analisa data melalui SPSS, membantu pengkaji melihat perkaitan antara pemboleh ubah tidak bersandar dengan pemboleh ubah bersandar.



UUM
Universiti Utara Malaysia

BAB 4

ANALISA DAN DAPATAN KAJIAN

4.1 Pendahuluan

Bab ini membincangkan keputusan analisa data. Kajian menfokuskan kepada hubungan antara pembolehubah tidak bersandar iaitu amalan sumber manusia dan keseimbangan tuntutan kerja-tanggungjawab peribadi terhadap pemboleh ubah bersandar iaitu kepuasan kerja.

Bab ini mengandungi tiga bahagian utama. Bahagian pertama, profil responden iaitu merangkumi karekteristik demografi seperti jantina, umur, status perkahwinan, tahap pendidikan, jawatan dan gred, dan tempoh perkhidmatan. Bahagian kedua, instrumen di uji kesahan dan kebolehpercayaan menggunakan Korelasi Pearson, dan analisa kebolehpercayaan. Bahagian ketiga, regresi pearson digunakan untuk menganalisa hubungan di antara pemboleh ubah tidak bersandar (amalan sumber manusia, keseimbangan tuntutan kerja-tanggungjawab peribadi) dan pemboleh ubah bersandar (kepuasan kerja).

Maklumbalas Responden

Sebanyak 155 set soalan kajiselidik telah diedarkan kepada kakitangan Syarikat Berkaitan Kerajaan (GLC-Government Link Company) iaitu Perbadanan Menteri Besar (MBI), Perbadanan Kemajuan Negeri Kedah (PKNK), dan Yayasan Islam Negeri Kedah (YINK). Hanya 117 set soalan kaji selidik yang telah dikembalikan iaitu sebanyak 75.4% untuk tujuan pengekodan. Daripada 117 set soalan kaji selidik, 13 set soalan kajiselidik tidak dilengkapi dengan sempurna. Dengan itu, hanya 104 set soalan kajiselidik iaitu (67%) dikodkan dan digunakan untuk tujuan analisa seterusnya.

4.2 Latar Belakang Demografi Responden

Latar belakang demografi responden terdiri daripada jantina, umur, status perkahwinan, tahap pendidikan, tempoh perkhidmatan dan di dalam organisasi. Taburan demografi responden adalah seperti berikut:-

Jadual 4.1
Taburan Demografi Responden

Demografi	Item	Kekerapan	Peratusan (%)
Jantina	Lelaki	43	41.3
	Perempuan	61	58.7
Umur	21 – 30	42	40.4
	31 – 40	30	28.8
	41 – 50	16	15.4
	51 tahun keatas	16	15.4
Status perkahwinan	Bujang	21	20.2
	Berkahwin	83	79.8
Tahap pendidikan	SPM/MCE	39	37.5
	STPM	15	14.4
	Diploma	30	28.8

	Ijazah	19	18.2
	Sarjana	1	1.0
Tempoh perkhidmatan	Kurang 1 tahun	4	3.8
	2 – 4 tahun	35	33.7
	5 – 9 tahun	30	28.8
	10 – 14 tahun	6	5.8
	15 tahun ke atas	29	27.9
Organisasi	Perbadanan Menteri Besar	9	8.7
	Kedah	37	35.6
	Yayasan Islam Negeri Kedah	58	55.8
	Perbadanan Kemajuan Negeri Kedah		

Karakteristik demografi responden seperti di tunjukkan pada Jadual 4.1. Hasil analisa data menunjukkan sebanyak 61 (58.7%) orang responden adalah perempuan dan 43 (41.3%) orang responden adalah lelaki. Majoriti responden adalah berumur dari 21 tahun hingga 30 tahun (40.4%), dan sebanyak 79.8% telahpun berkahwin. Sebanyak 39 orang responden atau 37.5% adalah memiliki Sijil Pelajaran Malaysia (SPM). Selain itu, dari segi tempoh perkhidmatan pula sebanyak 35 (33.7%) orang responden telah berkhidmat selama dua hingga empat tahun. Manakala, 6 (5.8%) orang responden sahaja yang telah berkhidmat selama 10 hingga 14 tahun. Seterusnya, majoriti responden adalah daripada Perbadanan Kemajuan Negeri Kedah (PKNK). Jumlah ini adalah sebanyak 58 (55.8%) orang responden.

4.3 Analisis Ujian-T

Analisis Ujian-T dijalankan untuk melihat samada terdapat hubungan responden terhadap kepuasan kerja seperti jantina, umur, taraf perkahwinan, jawatan, tahap pendidikan dan tempoh perkhidmatan.

Dalam kajian ini Ujian-T telah dijalankan untuk membandingkan tahap kepuasan untuk kakitangan lelaki dan perempuan di GLC's. Keputusan didapati bahawa responden perempuan dan lelaki menunjukkan perbezaan hubungan yang signifikan terhadap kepuasan kerja dengan nilai min dan sisihan piawai masing-masing adalah $M=3.0087$ (lelaki), 2.8689 (perempuan), $SD=.49431$ (lelaki) manakala $.55782$ (perempuan) dan $SEM=.07538$ (lelaki), $.07142$ (perempuan).

Jadual 4.2
Keputusan Deskriptif Bagi Perbezaan Jantina Terhadap Kepuasan Kerja

	Jantina	N	Mean	Sisihan Piawai	Std. Error Mean
Kepuasan kerja	Lelaki	43	3.0087	.49431	.07538
	Perempuan	61	2.8689	.55782	.07142

4.4 Analisa Kebolehpercayaan

Hasil keputusan kebolehpercayaan boleh menguji konsistensi dan kestabilan. Nilai Cronbach's Alpha kurang daripada 0.60 dianggap lemah, jarak nilai Cronbach's Alpha 0.70 di anggap sederhana dan nilai lebih daripada 0.80 di anggap baik (Cavana et al., 2001). Berdasarkan keputusan analisa yang di tunjukkan pada Jadual 4.3, di dapati setiap pemboleh ubah adalah melebihi 0.710 nilai Cronbach's Alpha. Pemboleh ubah amalan

sumber manusia adalah merupakan yang tertinggi iaitu 0.931 menunjukkan instrumen tersebut mempunyai kebolehpercayaan yang tinggi berbanding dengan pemboleh ubah lain. Walaubagaimanapun, pengkaji telah mengecualikan beberapa soalan memandangkan Cronbach's Alpha sangat rendah.

Jadual 4.3

Keputusan kebolehpercayaan setiap pemboleh ubah dan dimensi.

Pemboleh ubah	Jumlah soalan	Cronbach's Alpha
Kepuasan kerja	8	0.710
Amalan sumber manusia	25	0.931
Keseimbangan tuntutan kerja-tanggungjawab peribadi	24	0.817

4.5 Analisis Statistik Deskriptif

Penyelidikan deskriptif sesuai digunakan untuk mengkaji peristiwa yang sedang berlaku. Kajian ini bertujuan untuk mengkaji dan menerangkan sesuatu fenomena yang sedang berlaku. Ianya tidak bertujuan untuk menguji hipotesis. Antara jenis-jenis penyelidikan deskriptif ialah kajian kes, kajian tinjauan (survey), kajian perkembangan, kajian susulan, kajian korelasi, analisis dokumen dan analisis kecenderungan.

Antara langkah-langkah penyelidikan deskriptif ialah menyatakan masalah dengan tepat dan jelas, menentukan populasi dan pemboleh ubah yang berkaitan dengan tepat dan jelas, mengenal pasti maklumat yang perlu digunakan untuk menyelesaikan

masalah, membentuk atau memilih alat bagi mengumpul maklumat, dan mereka bentuk kaedah pengumpulan maklumat yang paling berkesan.

Data yang diperolehi daripada Bahagian A iaitu demografi responden merupakan data deskriptif dan akan dihuraikan menggunakan frekuensi dan peratusan. Data yang diperolehi ini akan memberikan ringkasan kepada keseluruhan demografi responden dalam kajian ini. Antara ciri-ciri demografi responden yang akan dihuraikan ialah jantina, umur, status perkahwinan, tahap pendidikan, jawatan, dan tempoh perkhidmatan. Selain daripada itu, data deskriptif ini juga boleh menunjukkan kecenderungan memusat (mod, median dan min) terhadap sampel demografi.

Analisis deskriptif adalah termasuk mean dan sisihan piawai untuk pembolehubah bersandar dan pembolehubah tidak bersandar seperti dalam Jadual 4.4.

Jadual 4.4
Statistik deskriptif pembolehubah bersandar dan pembolehubah tidak bersandar

Pembolehubah	Min	Sisihan Piawai
Kepuasan kerja	2.92	0.534
Amalan sumber manusia	3.51	0.453
Keseimbangan tuntutan kerja-tanggungjawab peribadi	2.91	0.403

Semua pemboleh ubah ini telah di nilai dengan menggunakan 5 point skala Likert. Keputusan menunjukkan min bagi Kepuasan Kerja iaitu (2.92), Amalan Sumber Manusia adalah (3.51), dan Keseimbangan Tuntutan Kerja-Tanggungjawab Peribadi adalah (2.91).

Jadual 4.4 juga menunjukkan nilai sisihan piawai untuk kepuasan kerja (0.534), amalan sumber manusia (0.453), dan keseimbangan tuntutan kerja (0.403).

4.6 Ujian Kolerasi Pearson-r


Kolerasi Pearson (r) amat bersesuaian untuk menguji perhubungan yang linear antara dua pemboleh ubah kuantitatif. Bagi mengukur kekuatan hubungan antara setiap pemboleh ubah tidak bersandar yang mempunyai kaitan dengan pemboleh ubah bersandar, maka analisis kolerasi Pearson-r digunakan dalam SPSS. Nilai magnitude simbol (r) adalah menunjukkan kekuatan hubungan antara kedua-dua pemboleh ubah bersandar dan tidak bersandar. Menurut Reeves (1992), tahap keyakinan signifikan adalah antara 0.01 hingga 0.05. Manakala Borg dan Gall (1983) telah memperkenalkan perkadaran untuk membandingkan kekuatan perhubungan antara dua pemboleh ubah bersandar dan tidak bersandar seperti Jadual 4.5 berikut.

Jadual 4. 5

Jadual Menunjukkan Kekuatan Perhubungan Antara Pemboleh Ubah Tidak Bersandar dan Pemboleh Ubah Bersandar

<u>Nilai Pekali Kolerasi 'r'</u>	<u>Kekuatan Perhubungan</u>
0.91 dan ke atas	Kolerasi yang sangat kuat
0.71 – 0.90	Kolerasi yang tinggi
0.41 – 0.70	Kolerasi sederhana kuat
0.21 – 0.40	Kolerasi yang rendah
Kurang daripada 0.20	Kolerasi yang sangat lemah

Korelasi Pearson dijalankan adalah untuk menguji hubungan diantara dua pemboleh ubah dalam satu garis linear (Coakes,2013). Jadual 4.6 menunjukkan amalan sumber manusia dan kepuasan kerja adalah mempunyai hubungan yang signifikan iaitu .164. Manakala bagi pembolehubah keseimbangan tuntutan kerja juga adalah signifikan, iaitu 0.424.



Jadual 4.6

Keputusan analisa Korelasi bagi Kepuasan Kerja, Amalan Sumber Manusia dan Keseimbangan Tuntutan Kerja

	1	2	3
1. Kepuasan kerja	1		
2. Amalan sumber manusia	.164*	1	
3. Keseimbangan tuntutan kerja	.424**	-.028	1

Nota: N = 104; ** P<0.01 level (1 – tailed)

4.7 Ujian Regresi Linear

Analisis Regresi linear digunakan untuk mengenal pasti faktor yang dominan di antara semua pemboleh ubah tidak bersandar yang mempengaruhi pemboleh ubah bersandar. Nilai R² adalah untuk menganggarkan peratusan terhadap faktor yang menyumbang kepada pemboleh ubah tidak bersandar. Kaedah regresi ini digunakan untuk mengenalpasti pemberat terhadap kesemua faktor yang terlibat. Manakala nilai beta yang ditunjukkan adalah bertujuan untuk mengenal pasti faktor yang paling utama yang mempengaruhi pemboleh ubah tidak bersandar. Nilai beta ini juga adalah untuk menganggarkan perubahan nilai terhadap sisihan piawai (standard deviations) bagi dua pemboleh ubah bersandar yang dihasilkan.

Hasil daripada analisa regresi 45.9% varian bagi pemboleh ubah bersandar iaitu Kepuasan Kerja di jelaskan oleh pemboleh ubah tidak bersandar iaitu Amalan Sumber Manusia dan Keseimbangan Tuntutan Kerja-Tanggungjawab Peribadi. Ini di tunjukkan oleh nilai R square iaitu 0.211 (rujuk Jadual 4.7). Keseimbangan tuntutan kerja ($\beta = 0.429$, $p < 0.05$) mempunyai hubungan yang signifikan dengan kepuasan kerja. Manakala, analisa regresi bagi pembolehubah tidak bersandar iaitu Amalan sumber manusia ($\beta = 0.176$, $p < 0.05$) juga mempunyai hubungan yang signifikan kepada kepuasan kerja.

Jadual 4.7

Keputusan analisa regresi bagi Kepuasan Kerja, Amalan Sumber Manusia dan Keseimbangan Tuntutan Kerja

	Unstandardized Coefficients		Standardized Coefficients	t	Sig.
	B	Std. Error	Beta		
(Constant)	.585	.494		1.183	.240
Amalan sumber manusia	.568	.117	.429	4.848	.000
